


# Dana Dagangan Bursa

## ETFs

Tersenarai di  
Bursa Malaysia



# ANDA JENIS PELABUR YANG MANA SATU?



Setiap pelabur mempunyai matlamat yang berbeza, dan pendekatan anda untuk mencapai matlamat tersebut bergantung kepada keinginan risiko/pulangan pelaburan anda.

Anda boleh mengenal pasti anda jenis pelabur yang mana satu dalam carta ini dan di samping produk yang terdapat dalam brosur ini, anda juga boleh mempertimbangkan produk-produk lain untuk dimasukkan dalam portfolio anda.

# APAKAH DANA DAGANGAN BURSA (ETF)?

ETF adalah dana terbuka yang disenaraikan atau diniagakan di pasaran saham. Dana ini menjelaki prestasi sesuatu indeks dengan melabur di dalam sekumpulan sekuriti, bon, komoditi atau aset-aset yang lain. Hanya dalam satu transaksi, pelabur akan mendapat pendedahan terhadap mana-mana pasaran negara, rantau, sektor, kelas aset atau strategi pelaburan tertentu dengan cepat.

Sejak diperkenalkan pada awal 1990-an, ETF semakin mendapat tempat dalam kalangan para pelabur. Kini, pasaran global ETF menyaksikan peningkatan dalam aset di bawah pengurusan (AUM) yang dijangka melebihi US\$9 trilion menjelang 2022. ETF menjadi semakin popular di kalangan pelabur disebabkan ia mempunyai banyak kelebihan berbanding produk pelaburan tradisional yang lain.

Melabur dalam ETF mampu membuka pelbagai peluang baru. Menggunakan ETF di dalam portfolio anda bukan saja mudah, tetapi ia melibatkan kos yang lebih rendah berbanding dengan melabur di dalam berbagai-bagai aset secara individu.



## APAKAH CIRI-CIRI ETF?

ETF MENGIKUT PRESTASI INDEKS UTAMA NAMUN DIDAGANGKAN SEPERTI SAHAM. SECARA RINGKASNYA, ETF MENGGABUNGKAN CIRI-CIRI DANA INDEKS DAN JUGA SAHAM.

### 1. PENDEDAHAN KEPADA KEPELBAGAIAN PELABURAN

Melalui ETF, pelabur didedahkan kepada pelbagai jenis pelaburan yang diwakili oleh sesuatu indeks dalam satu transaksi. Kumpulan pelaburan ini termasuklah ekuiti, pendapatan tetap, komoditi atau gabungan beberapa kelas aset.

### 2. PENGURUSAN PASIF

ETF direka untuk mengikut prestasi indeks kumpulan saham asas. Pelarasan semula dana hanya berlaku apabila terdapat perubahan konstituen atau wajaran dalam indeks asas, contohnya pada setiap suku tahun atau setengah tahun.

### 3. DIDAGANGKAN SEPERTI SAHAM

ETF boleh dibeli dan dijual di bursa mengikut harga semasa dan didagangkan sepanjang hari. Tiada jumlah pelaburan minimum untuk ETF. Sama seperti saham, ETF didagangkan dengan saiz lot minimum 100 unit.

# APAKAH KELEBIHAN ETF?

3

SELAMA BEBERAPA DEKAD, DANA BERSAMA DAN UNIT AMANAH KONVENTSIONAL TELAH MEMBAWA PELBAGAI MANFAAT KEPADA PELABUR: KEPELBAGAIAN YANG LUAS, PENGURUSAN PROFESIONAL, KOS YANG RENDAH DAN KECAIRAN HARIAN. DENGAN ETF, PELABUR BERPELUANG MENIKMATI LEBIH BANYAK KELEBIHAN.

## 1. MUDAH DIDAGANGKAN

Melalui satu transaksi sahaja, pelabur mampu memiliki kepelbagaian kumpulan sekuriti atau aset dengan serta-merta. Oleh itu, pelaburan dalam ETF menawarkan cara yang lebih mudah dan cekap untuk mengambil bahagian dalam pasaran serantau dan antarabangsa yang biasanya tidak mudah diakses.

## 2. NILAI TINGGI DENGAN KOS YANG LEBIH RENDAH

Secara amnya, kos transaksi ETF adalah lebih rendah berbanding unit amanah disebabkan oleh ketiadaan caj jualan. Malah, yuran pengurusannya juga lebih rendah (<1% berbanding dana unit amanah) kerana ETF diuruskan secara pasif tanpa memerlukan analisis saham.

## 3. TELUS SEPENUHNYA

Pegangan portfolio ETF dapat dilihat sepenuhnya manakala harga ETF pula dipaparkan pada masa nyata sepanjang hari dagangan. Di samping itu, penerbit biasanya menyediakan helaian fakta bulanan untuk membolehkan pelabur mendapat maklumat terkini tentang pegangan dana dan peruntukan sektor.

MELALUI ETF, PELABUR MENDAPAT MANFAAT DARI KAEADAH PELABURAN YANG BOLEH DISESUAIKAN MENGIKUT SASARAN KHUSUS ATAU STRATEGI PELABURAN MEREKA. LIHAT CONTOH-CONTOH DI BAWAH.

## 1. ETF PASARAN LUAS

Lazimnya, ETF ini mengikuti indeks pasaran negara dan memberi pendedahan kepada pelbagai syarikat tanpa memfokuskan pada mana-mana industri khusus. Melalui kaedah konvensional tanpa ETF, pelabur biasanya perlu memiliki beratus-ratus sekuriti dan mengimbangi portfolio dengan kerap. Namun begitu, ETF memudahkan pelabur dengan menawarkan pendedahan pasaran yang luas pada kos yang lebih rendah.

## 2. ETF SEKTOR

Memberikan pendedahan kepada sekumpulan syarikat berdasarkan sektor operasi industri pelabur. Pelabur boleh mengambil bahagian dalam sektor ETF yang tertentu sekiranya mereka berpendapat prestasi sektor tersebut mampu mengatasi pasaran luas.

## 3. ETF BERASASKAN FAKTOR

Strategi pelaburan ini menyasarkan pemacu keuntungan tertentu yang dikenali sebagai faktor. Oleh itu, pelabur meraih manfaat daripada strategi pelaburan yang unik tanpa perlu membangunkannya sendiri. Contoh-contoh ETF berdasarkan faktor yang popular ialah pelaburan dengan dividen yang tinggi, ketaktentuan yang rendah, saham nilai atau faktor patuh Syariah.

# APAKAH PERBEZAAN **ETF** BERBANDING SAHAM DAN UNIT AMANAH?



## PERBANDINGAN PRODUK

	ETF	SAHAM	UNIT AMANAH
Kepelbagai pelaburan	✓	✗	✓
Penyebaran masa nyata	✓	✓	✗
Urus niaga menerusi	Broker	Broker	Ejen
KOS URUS NIAGA			
	ETF	SAHAM	UNIT AMANAH
Caj jualan	✗	✗	✓
Komisyen broker/ Caj penjelasan/ Duti setem	<1%	<1%	-
CAJ PENGURUSAN			
	ETF	SAHAM	UNIT AMANAH
Caj pengurusan	<1%	-	1-2%

\*Caj pengurusan merupakan ciri standard ETF dan unit amanah.  
Caj Pengurusan akan dikira dalam Net Asset Value (NAV) dan harga unit ETF atau unit amanah.

# 6

## CARA UNTUK MELABUR

Anda perlu membuka akaun CDS dan akaun jual beli dengan Organisasi Peserta iaitu firma broker saham yang didaftarkan di Malaysia. Layari [www.bursamarketplace.com/t/opentradingaccount](http://www.bursamarketplace.com/t/opentradingaccount) dan pilih broker saham anda untuk memulakan pelaburan anda hari ini.

# DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT DAN JADILAH PELABUR BIJAK



Untuk maklumat lanjut mengenai ETF,  
layari laman web Bursa Akademi di  
[www.bursaacademy.bursamarketplace.com/bm/etf](http://www.bursaacademy.bursamarketplace.com/bm/etf) sekarang!

(Halaman ini sengaja dikosongkan)

(Halaman ini sengaja dikosongkan)

**PENAFIAN/PERNYATAAN :**

Risalah ini disediakan sebagai rujukan umum sahaja. Maklumat yang terkandung dalamnya bukan merupakan sebarang nasihat undang-undang, kewangan, dagangan dan/atau pelaburan serta ia juga tidak menyarankan atau menyokong produk yang disebutkan di sini. Walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan ketepatan atau kelengkapan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia tidak akan menanggung sebarang liabiliti termasuk liabiliti yang timbul akibat keputusan dagangan atau pelaburan yang dibuat berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Anda dinasihatkan agar mendapatkan khidmat nasihat bebas dan/atau merujuk undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan sebelum melaksanakan dagangan atau pelaburan.

**BURSA MALAYSIA BERHAD**  
**197601004668 (30632-P)**

Exchange Square,  
Bukit Kewangan,  
50200 Kuala Lumpur,  
Malaysia.

Tel: +(603) 2034 7000  
Fax: +(603) 2026 3584

[www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)